



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KAMUS

KOMPETENSI UTM

CENTER FOR TALENT AND LEADERSHIP DEVELOPMENT (CTLTD)
J A B A T A N P E N D A F T A R
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

innovative • entrepreneurial • global



KAMUS KOMPETENSI UTM

1. PRAKATA	MUKASURAT	5
2. TERAS, GENERIK DAN KEPIMPINAN	MUKASURAT	21
3. PENTADBIRAN	MUKASURAT	43
4. TEKNIKAL	MUKASURAT	85
5. AKADEMIK	MUKASURAT	105
6. KOMPETENSI NILAI	MUKASURAT	121
7. PENUTUP	MUKASURAT	127

Prakata

Pembangunan Kamus Kompetensi adalah sebahagian daripada Pelaksanaan Kerangka Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi seperti yang telah dinyatakan dengan jelas sebagai pelan tindakan dalam Pelan Strategik Universiti enVision 2025 dalam Strategi Utama 2 iaitu *Provide continuous upskilling of university staff to achieve excellence in education and research.*

Bermula 24 Februari 2021 sehingga 5 Oktober 2021 telah diadakan sebanyak 20 siri Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Staf UTM bagi Fungsian Akademik, Teras Generik dan Kepimpinan, Fungsian Teknikal, Fungsian Pentadbiran serta Kompetensi Nilai (ISES) dengan disertai oleh Staf Akademik dan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana Universiti Teknologi Malaysia.

Atas bimbingan Dr. Amat Taap sebagai perunding yang dilantik oleh UTM, maka terhasillah Kamus Kompetensi UTM sebagai panduan bagi semua staf Universiti Teknologi Malaysia.

Prakata

Pembangunan Kamus Kompetensi adalah sebahagian daripada Pelaksanaan Kerangka Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi seperti yang telah dinyatakan dengan jelas sebagai pelan tindakan dalam Pelan Strategik Universiti enVision 2025 dalam Strategi Utama 2 iaitu *Provide continuous upskilling of university staff to achieve excellence in education and research.*

Bermula 24 Februari 2021 sehingga 5 Oktober 2021 telah diadakan sebanyak 20 siri Bengkel Pembangunan Kamus Kompetensi Staf UTM bagi Fungsian Akademik, Teras Generik dan Kepimpinan, Fungsian Teknikal, Fungsian Pentadbiran serta Kompetensi Nilai (ISES) dengan disertai oleh Staf Akademik dan Staf Pengurusan Profesional dan Pelaksana Universiti Teknologi Malaysia.

Atas bimbingan Dr. Amat Taap sebagai perunding yang dilantik oleh UTM, maka terhasillah Kamus Kompetensi UTM sebagai panduan bagi semua staf Universiti Teknologi Malaysia.



KAMUS KOMPETENSI UTM

SENARAI NAMA KOMPETENSI

TERAS, GENERIK DAN KEPIMPINAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER	M/S
1.	PERKHIDMATAN BERORIENTASIKAN PELANGGAN	TERAS	23
2.	KERJA BERPASUKAN	TERAS	24
3.	PEMIKIRAN KRITIKAL DAN INOVATIF	TERAS	25
4.	BERORIENTASIKAN KEBERHASILAN	TERAS	26
5.	PENGURUSAN MASA	TERAS	27
6.	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	GENERIK PENTADBIRAN	28
7.	PENGURUSAN KEWANGAN DAN ASET	GENERIK PENTADBIRAN	29
8.	PENGURUSAN RISIKO	GENERIK PENTADBIRAN	30
9.	PEMIKIRAN ANALITIKAL	GENERIK PENTADBIRAN	31
10.	KEMAHIRAN PERUNDINGAN	GENERIK PENTADBIRAN	32

TERAS, GENERIK DAN KEPIMPINAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER	M/S
11.	PEMBANGUNAN PELAJAR	GENERIK AKADEMIK	33
12.	MENERAJU PERUBAHAN	GENERIK AKADEMIK	34
13.	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	GENERIK AKADEMIK	35
14.	PENYAMPAIAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	GENERIK AKADEMIK	36
15.	PEMBANGUNAN PROFESIONAL	GENERIK AKADEMIK	37
16.	JARINGAN DAN KOLABORASI STRATEGIK	KEPIMPINAN	38
17.	PERANCANGAN STRATEGIK	KEPIMPINAN	39
18.	PENERAJU PERUBAHAN	KEPIMPINAN	40
19.	PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI	KEPIMPINAN	41
20.	KEMAHIRAN MEMBUAT KEPUTUSAN	KEPIMPINAN	42

FUNGSIAN PENTADBIRAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
21.	KEMAHIRAN PENUGASAN KAWALAN PINTU MASUK DAN RONDAAN KAMPUS	SKIM KP (KESELAMATAN)	47
22.	KEMAHIRAN PENYIASATAN	SKIM KP (KESELAMATAN)	48
23.	KEMAHIRAN PENGUATKUASAAN PERATURAN LALULINTAS	SKIM KP (KESELAMATAN)	49
24.	KEMAHIRAN MENGAKSES DATA SISTEM	SKIM KP (KESELAMATAN)	50
25.	PENYEDIAAN JADUAL PENUGASAN SYIF	SKIM KP (KESELAMATAN)	51
26.	KEMAHIRAN PENASIHATAN PERUNDANGAN	SKIM L (PERUNDANGAN)	52
27.	KEMAHIRAN PENULISAN TEKNIKAL PERUNDANGAN	SKIM L (PERUNDANGAN)	53
28.	KEMAHIRAN NEGOSIASI DAN PERUNDINGAN	SKIM L (PERUNDANGAN)	54
29.	PENGAMBILAN DAN PEMILIHAN BAKAT	SKIM N (PSM)	55

FUNGSIAN PENTADBIRAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
30.	LATIHAN & PEMBANGUNAN (LATIHAN, PELAN PENGgantian, PEMBANGUNAN KERJAYA)	SKIM N (PSM)	56
31.	HUBUNGAN STAF (PENGESEAHAN JAWATAN, DISIPLIN, BIMBINGAN KAUNSELING, PENILAIAN PRESTASI)	SKIM N (PSM)	57
32.	KEMAHIRAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN AKADEMIK PELAJAR	SKIM N (PENGURUSAN AKADEMIK)	58
33.	KEMAHIRAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN PROSES KERJA LATIHAN INDUSTRI	SKIM N (PENGURUSAN AKADEMIK)	59
34.	KEMAHIRAN DALAM PENGGUNAAN SISTEM AKADEMIK DAN KUALITI	SKIM N (PENGURUSAN AKADEMIK)	60
35.	KEMAHIRAN PEMBANGUNAN PELAJAR	SKIM N (PENGURUSAN PELAJAR)	61
36.	KEMAHIRAN SOSIAL	SKIM N (PENGURUSAN PELAJAR)	62

FUNGSIAN PENTADBIRAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
37.	KEMAHIRAN KREATIVITI DALAM MENGHASILKAN LAPORAN	SKIM N (PENGURUSAN PELAJAR)	63
38.	PENULISAN TEKNIKAL	SKIM Q (PENYELIDIKAN)	64
39.	PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN	SKIM Q (PENYELIDIKAN)	65
40.	PEMBANGUNAN PRODUK PENYELIDIKAN DAN IPR	SKIM Q (PENYELIDIKAN)	66
41.	KEMAHIRAN PENGURUSAN SUKAN	SKIM S (SUKAN)	67
42.	KEMAHIRAN PEMASARAN SUKAN	SKIM S (SUKAN)	68
43.	KEMAHIRAN PENGURUSAN ACARA SUKAN	SKIM S (SUKAN)	69
44.	PENGURUSAN SUMBER DAN KOLEKSI ILMU PENGETAHUAN (KNOWLEDGE MANAGEMENT)	SKIM S (PUSTAKAWAN)	70
45.	PENGURUSAN SUMBER DAN PENGKATALOGAN BAHAN PERPUSTAKAAN	SKIM S (PUSTAKAWAN)	71

FUNGSIAN PENTADBIRAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
46.	PENGURUSAN PERKHIDMATAN MAKLUMAT DAN SOKONGAN PENYELIDIKAN PERPUSTAKAAN	SKIM S (PUSTAKAWAN)	72
47.	KEMAHIRAN PROSES DAN SESI BIMBINGAN / KAUNSELING	SKIM S (PSIKOLOGI)	73
48.	KEMAHIRAN PENGENDALIAN DAN INTERPRETASI INVENTORI PSIKOLOGI	SKIM S (PSIKOLOGI)	74
49.	KEMAHIRAN MEMAHAMI TINGKAH LAKU ABNORMAL	SKIM S (PSIKOLOGI)	75
50.	PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM	SKIM S (HAL EHWAL ISLAM)	76
51.	PENGURUSAN ZAKAT	SKIM S (HAL EHWAL ISLAM)	77
52.	PENGURUSAN PROGRAM DAKWAH DAN LATIHAN	SKIM S (HAL EHWAL ISLAM)	78
53.	KEMAHIRAN KLINIKAL	SKIM U (PERUBATAN)	79
54.	KEMAHIRAN ASAS PERUNDINGAN	SKIM U (PERUBATAN)	80

FUNGSIAN PENTADBIRAN

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
55.	KEPATUHAN KEPADA PERATURAN DAN ETIKA PERUBATAN	SKIM U (PERUBATAN)	81
56.	KEMAHIRAN PENULISAN TEKNIKAL KEWANGAN	SKIM W (KEWANGAN)	82
57.	KEMAHIRAN PENYIASATAN KEWANGAN/ PERAKAUNAN	SKIM W (KEWANGAN)	83
58.	KEMAHIRAN BUSINESS ACUMEN	SKIM W (KEWANGAN)	84



FUNGSIAN TEKNIKAL

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
59.	REKA BENTUK GRAFIK	SKIM B	87
60.	SENI PERSEMBAHAN	SKIM B	88
61.	PERUNDINGAN DAN KHIDMAT NASIHAT	SKIM B	89
62.	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN MAKMAL	SKIM C	90
63.	PEMATUHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN MAKMAL	SKIM C	91
64.	KEMAHIRAN MENGANALISIS SAMPEL	SKIM C	92
65.	PENGURUSAN PROJEK ICT	SKIM F	93
66.	PENGURUSAN KESELAMATAN ICT	SKIM F	94
67.	REKA BENTUK SENIBINA ICT	SKIM F	95
68.	PENGURUSAN PROJEK	SKIM J (AWAM)	96
69.	PENGURUSAN PENYELENGGARAAN DAN FASILITI	SKIM J (AWAM)	97
70.	PENGURUSAN UTILITI (SISTEM BEKALAN AIR, ELEKTRIK & TELEFON)	SKIM J (AWAM)	98

FUNGSIAN TEKNIKAL

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
71.	PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN MAKMAL	SKIM J	99
72.	PEMATUHAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN MAKMAL	SKIM J	100
73.	PENYELENGGARAAN PERALATAN MAKMAL	SKIM J	101
74.	PENYENGKARAAN DAN PENGURUSAN LANDSKAP	SKIM H,G,R	102
75.	PENYENGKARAAN DAN PENGURUSAN PEMOTORAN	SKIM H,G,R	103
76.	PENYENGKARAAN DAN PENGURUSAN LADANG	SKIM H,G,R	104



FUNGSIAN AKADEMIK

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
77.	KEMAHIRAN PERUNDINGAN DAN LATIHAN	TREK PENGAMAL PROFESIONAL	107
78.	PEMBANGUNAN KEUSAHAWAN	TREK PENGAMAL PROFESIONAL	108
79.	KEPINTARAN PERNIAGAAN (BUSINESS ACUMEN)	TREK PENGAMAL PROFESIONAL	109
80.	KEPIMPINAN AKADEMIK	TREK KEPIMPINAN	110
81.	KEPIMPINAN PENYELIDIKAN	TREK KEPIMPINAN	111
82.	PEMBANGUNAN BAKAT	TREK KEPIMPINAN	112
83.	PENULISAN DAN PENERBITAN	TREK PENYELIDIKAN	113
84.	PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN	TREK PENYELIDIKAN	114
85.	PENGURUSAN HARTA INTELEK	TREK PENYELIDIKAN	115
86.	PEMBANGUNAN KURIKULUM	TREK PENGAJARAN	116

FUNGSIAN AKADEMIK

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER (FUNGSIAN)	M/S
87.	PENTAKSIRAN PEMBELAJARAN	TREK PENGAJARAN	117
88.	TEKNOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN	TREK PENGAJARAN	118
89.	PENYELIAAN PENYELIDIKAN	TREK PENGAJARAN	119



KOMPETENSI NILAI

BIL.	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER	M/S
90.	<i>INTEGRITY</i> (INTEGRITI)	NILAI	123
91.	<i>SYNERGY</i> (SINERGI)	NILAI	124
92.	<i>EXCELLENCE</i> (KECEMERLANGAN)	NILAI	125
93.	<i>SUNSTAINABILITY</i> (KELESTARIAN)	NILAI	126





101

TERAS, GENERIK DAN KEPIMPINAN

BIL	NAMA KOMPETENSI	KLUSTER
1.	PERKHIDMATAN BERORIENTASIKAN PELANGGAN	TERAS
2.	KERJA BERPASUKAN	TERAS
3.	PEMIKIRAN KRITIKAL DAN INOVATIF	TERAS
4.	BERORIENTASI KEBERHASILAN	TERAS
5.	PENGURUSAN MASA	TERAS
6.	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	GENERIK PENTADBIRAN
7.	PENGURUSAN KEWANGAN DAN ASET	GENERIK PENTADBIRAN
8.	PENGURUSAN RISIKO	GENERIK PENTADBIRAN
9.	PEMIKIRAN ANALITIKAL	GENERIK PENTADBIRAN
10.	KEMAHIRAN PERUNDINGAN	GENERIK PENTADBIRAN
11.	PEMBANGUNAN PELAJAR	GENERIK AKADEMIK
12.	MENERAJU PERUBAHAN	GENERIK AKADEMIK
13.	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	GENERIK AKADEMIK
14.	PENYAMPAIAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	GENERIK AKADEMIK
15.	PEMBANGUNAN PROFESIONAL	GENERIK AKADEMIK
16.	JARINGAN DAN KOLABORASI STRATEGIK	KEPIMPINAN
17.	PERANCANGAN STRATEGIK	KEPIMPINAN
18.	MENERAJU PERUBAHAN	KEPIMPINAN
19.	PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ORGANISASI	KEPIMPINAN
20.	KEMAHIRAN MEMBUAT KEPUTUSAN	KEPIMPINAN

TERAS

KLUSTER KOMPETENSI	TERAS		
NAMA KOMPETENSI	PERKHIDMATAN BERORIENTASIKAN PELANGGAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan mengenali dan memahami keperluan pelanggan dalam dan luaran mengikut standard/piagam pelanggan yang ditetapkan untuk meningkatkan kepuasan dan mengekalkan kesetiaan pelanggan.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Membuat susulan pertanyaan, permintaan dan aduan dari pelanggan pada kadar yang ditetapkan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan. • Mengambil tindakan secara proaktif dan profesional untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan. • Memahami objektif Piagam Pelanggan yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai sasaran kerja. • Mencadangkan maklum balas kepada ketua bagi penambahbaikan penyampaian perkhidmatan pelanggan untuk mencapai sasaran kerja yang ditetapkan.	• Memudah cara perhubungan dengan pihak atasan dan pasukan untuk mengenal pasti keutamaan dan keperluan pelanggan yang sebenar. • Mengatasi dan Memudah cara masalah pelanggan dengan sewajarnya untuk mencapai tahap perkhidmatan yang cemerlang. • Mengkaji isu-isu dalaman dan luaran yang memberi impak secara langsung atau tidak langsung kepada pelanggan untuk penambahbaikan berterusan. • Mengesyorkan cara dan idea secara berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan untuk meningkatkan kepuasan pelanggan.	• Meneroka dan melaksanakan inovasi baharu bagi memenuhi keperluan jangka panjang pelanggan untuk mengekalkan daya saing Universiti • Mengawal selia kualiti pengurusan dan pelaksanaan perkhidmatan pelanggan secara berterusan untuk mencapai tahap kepuasan pelanggan yang tinggi. • Menilai dan menganalisis kepuasan pelanggan dengan menggunakan data untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. • Memperkenalkan inovasi perkhidmatan secara berterusan bagi menambah nilai melebihi permintaan pelanggan untuk mengekalkan perhubungan jangka panjang.	• Membimbing rakan sekerja dan pasukan bagi menggerakkan penyampaian perkhidmatan berasaskan keperluan dan kepelbagaian untuk mengekalkan kesetiaan pelanggan. • Memantau keberkesanan perkhidmatan pelanggan untuk meningkatkan kepuasan dan mengekalkan kesetiaan pelanggan. • Merangka strategi berkesan untuk membudayakan perkhidmatan cemerlang di semua peringkat untuk mengekalkan kesetiaan pelanggan. • Menggerakkan inisiatif peringkat dalaman dan luaran Universiti bagi merangka pendekatan baharu untuk mencapai kecemerlangan perkhidmatan pelanggan.

KLUSTER KOMPETENSI	TERAS		
NAMA KOMPETENSI	KERJA BERPASUKAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan bekerja dan sinergi dengan orang lain di semua peringkat berasaskan matlamat pasukan yang telah ditetapkan untuk mencapai objektif dan sasaran Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Melibatkan diri dalam pasukan bagi melaksanakan objektif yang ditetapkan oleh jabatan/ bahagian. • Mengurus pasukan dalam melaksanakan objektif yang ditetapkan oleh bahagian/ jabatan. • Memahami kepentingan mewujudkan hubungan yang positif dalam pasukan bagi memastikan pencapaian objektif yang ditetapkan oleh jabatan /bahagian. • Mengongsi pengetahuan, maklumat dan idea dengan ahli pasukan untuk mencapai sasaran tugas secara berkesan.	• Memudah cara peranan pasukan dalam melaksanakan objektif yang ditetapkan oleh jabatan/ bahagian. • Mengkoordinasi aktiviti-aktiviti kebersamaan bagi mencapai objektif yang ditetapkan oleh jabatan/ bahagian. • Mencadangkan idea yang menyumbang ke arah pelaksanaan program bagi mencapai objektif pasukan yang ditetapkan. • Mendengar, berfikir terbuka dan positif terhadap pandangan dan cadangan ahli pasukan untuk meningkatkan persefahaman yang kukuh.	• Membimbing ahli-ahli pasukan ke arah mencapai objektif jabatan/ bahagian. • Mengawal sebarang pelaksanaan aktiviti berpasukan agar sentiasa selari dengan matlamat dan kehendak jabatan/ bahagian. • Membuat keputusan yang menyeluruh dengan mengambil kira pandangan/ pendapat semua ahli pasukan. • Mengiktiraf dan menghargai sumbangan dan meningkatkan motivasi pasukan untuk mengekalkan komitmen dan penghasilan.	• Memacu semangat kerja berpasukan pada setiap peringkat dan meningkatkan penyertaan ahli-ahli lain dalam pelbagai program/aktiviti. • Memantau peranan semua ahli pasukan supaya tanggungjawab masing-masing dapat direalisasikan sejajar dengan objektif jabatan/ bahagian. • Menjalinkan kolaborasi secara strategik merentas peringkat Universiti/ kebangsaan dalam mencapai misi dan visi organisasi. • Menggerakkan dan membudayakan amalan kerja berpasukan secara berterusan untuk melonjakkan sistem penyampaian Universiti yang berdaya saing.

KLUSTER KOMPETENSI	TERAS		
NAMA KOMPETENSI	PEMIKIRAN KRITIKAL DAN INOVATIF		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan menjana dan menyumbang idea atau kaedah baru bagi penyelesaian masalah dan penambahbaikan perkhidmatan berasaskan keperluan semasa dan akan datang yang relevan bagi meningkatkan kualiti dan daya saing Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Menyumbang idea dan kaedah baharu secara konsisten untuk mengembangkan penyelesaian inovatif. • Mengurus dan menyokong pelaksanaan aktiviti dan inisiatif inovasi bagi memperbaiki proses dan cara kerja untuk meningkatkan daya saing Jabatan/ Bahagian. • Memahami kaedah dan proses penjaanaan idea-bagi menyelesaikan masalah secara optimum untuk meningkatkan keberhasilan. • Mengambil inisiatif bagi menambah baik proses kerja dan menyelesaikan masalah secara efektif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan.	• Mengongsikan pelbagai pendekatan alternatif bagi tujuan penambahbaikan dalam beberapa bidang di Jabatan/ Organisasi untuk meningkatkan kemahiran pemikiran dan inovatif. • Mengkoordinasi dan menyusun program latihan bagi mengukuhkan kemahiran pemikiran kritikal dan inovatif untuk meningkatkan daya saing di peringkat Jabatan/Bahagian. • Mengkaji dan mengesyorkan kaedah penyelesaian masalah secara inovatif untuk menambahbaik prestasi dan kualiti kerja di Jabatan/ bahagian. • Mencadangkan penambaihan kepada idea, proses, produk dan perkhidmatan yang dibangunkan untuk meningkatkan pencapaian Jabatan/Bahagian.	• Membangunkan strategi meningkatkan kemahiran pemikiran kritikal dan inovasi pasukan bagi menghasilkan kecekapan dalam perkhidmatan • Merancang dan membangunkan program, kaedah dan proses baharu yang inovatif untuk menambahbaik perkhidmatan dan prestasi Universiti secara berterusan. • Menilai pro dan kontra kebolehlaksanaan sesuatu idea dan kaedah penyelesaian untuk mencapai hasil yang terbaik. • Melibatkan pelbagai pihak secara aktif dalam inisiatif inovasi untuk memperbaiki proses dan sistem kerja.	• Membudayakan amalan pemikiran kreatif dan inovatif yang berimpak tinggi bagi meningkatkan daya saing Universiti. • Memantau keperluan pelaksanaan kaedah dan idea baru yang berlandaskan matlamat dan halatuju bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti Universiti. • Merangka pendekatan dan kaedah baharu dalam menilai cadangan dan idea untuk meningkatkan peluang pelaksanaan yang berkesan. • Mencetus idea dan inovasi yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti dan daya saing Universiti.

KLUSTER KOMPETENSI	TERAS		
NAMA KOMPETENSI	BERORIENTASI KEBERHASILAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan menjana komitmen dan kesungguhan bagi mencapai sasaran yang mencabar berasaskan kualiti dan piawaian yang ditetapkan bagi mencapai objektif strategik Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Melaksana arahan tugas yang diberikan secara terbuka bagi mencapai sasaran kerja yang ditetapkan. • Mengurus pelaksanaan petunjuk prestasi utama dan sasaran kerja yang ditetapkan. • Menjana hasil dengan bertindak dengan fokus dan dalam tarikh akhir bagi mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) dan sasaran kerja yang ditetapkan. • Memahami tanggung jawab dan memberi komitmen berterusan dalam mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) dan sasaran kerja yang ditetapkan (bloom). • Mencadangkan idea penambahbaikan tata cara kerja.	• Memudah cara aktiviti yang dirancang untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. • Mengkoordinasi aktiviti, masa dan tindakan kerja selaras dengan petunjuk prestasi dan sasaran kerja Universiti. • Meneliti kaedah dan prosedur untuk meningkatkan keberhasilan bagi mencapai objektif strategik Universiti. • Mengongsi amalan terbaik pelaksanaan di dalam mencapai sasaran yang mencabar agar kekal berdaya saing.	• Membangun dan melaksanakan metrik (sistem ukuran) yang berkesan untuk mengukur pelaksanaan petunjuk prestasi utama dan sasaran kerja untuk mencapai objektif strategik Universiti. • Menilai prestasi pasukan terhadap matlamat dan mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan mencapai sasaran Universiti. • Menganalisis pencapaian prestasi utama dan mencadangkan penambahbaikan secara berterusan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. • Mengadakan aktiviti libatsama antara staf dari pelbagai bidang bagi memperbaiki dan meningkatkan petunjuk prestasi Universiti.	• Membudayakan kerja berprestasi tinggi untuk mencapai sasaran yang mencabar berasaskan kualiti dan piawaian yang ditetapkan. • Memantau keberkesanan strategi pelaksanaan petunjuk prestasi utama agar kekal berdaya saing. • Merangka dan menghasilkan kaedah baharu untuk mencapai petunjuk prestasi utama bagi mengekalkan kelestarian Universiti. • Menggerak dan menanam amalan terbaik berasaskan kualiti dan piawai yang ditetapkan untuk mencapai objektif strategik Universiti.

TERAS

KLUSTER KOMPETENSI	TERAS			
NAMA KOMPETENSI	PENGURUSAN MASA			
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan mengurus dan menggunakan masa berasaskan keutamaan dan sasaran dengan berkesan dan produktif mengikut tempoh waktu serta memenuhi piawaian yang ditetapkan untuk mencapai tahap produktiviti yang tinggi.			
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR	
• Melaksanakan tugas-tugas jabatan mengikut keutamaan bagi mencapai produktiviti yang ditetapkan. • Menyusun sistem fail dan dokumentasi secara sistematik bagi memudahkan dan mempercepatkan proses kerja. • Memahami skop kerja mengikut keutamaan semasa bagi mencapai sistem perkhidmatan yang berkesan • Memilih tahap keutamaan tugas semasa bagi mencapai pelaksanaan perkhidmatan yang berkualiti • Mencadangkan langkah terbaik dalam penyelesaian tugas bagi memastikan proses kerja dapat diselesaikan mengikut masa yang ditetapkan.	• Menjadualkan pelaksanaan proses kerja berdasarkan keperluan semasa untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan operasi jabatan/bahagian. • Mengkoordinasi aktiviti pengurusan pentadbiran untuk mencapai tahap kecekapan jabatan/bahagian yang optimum. • Mencadangkan penyelesaian bagi isu pengurusan masa melalui sistem penyampaian perkhidmatan secara digital. • Mengongsi perancangan aktiviti dan pelan tindakan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan mengikut masa yang ditetapkan dan mencapai matlamat organisasi dan jabatan.	• Mengagihkan dan menyelaras tugas dan proses kerja untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan. • Merancang proses kerja berdasarkan keperluan semasa untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan. • Menganalisis hubungan antara pengurusan masa dan sistem kerja sedia ada bagi meningkatkan perkhidmatan secara optimum. • Menggerakkan usaha dan setiap tindakan berdasarkan garis masa yang telah ditetapkan bagi peningkatan kualiti perkhidmatan.	• Membimbing dan melatih tenaga mahir bagi mewujudkan strategi baharu dalam meningkatkan mutu dan produktiviti organisasi. • Mengaplikasi teknologi terkini dalam meningkatkan produktiviti dan penghasilan perkhidmatan yang lebih efektif. • Merangka pendekatan dan amalan pengurusan masa yang terbaik bagi mencapai perkhidmatan berprestasi tinggi. • Membangunkan kaedah baharu pelaksanaan pengurusan masa yang sistematik untuk mencapai tahap produktiviti yang cemerlang. • Memperkasakan budaya pengurusan masa cemerlang untuk memastikan amalan tersebut dipraktikkan di dalam organisasi.	

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK PENTADBIRAN			
NAMA KOMPETENSI	PENGURUSAN SUMBER MANUSIA			
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan merancang, membangun dan mengurus sumber manusia yang kompeten dan berdaya saing untuk meningkatkan produktiviti dan jati diri.			
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR	
• Memahami keperluan sumber manusia yang menyeluruh dan strategik bagi Jabatan/Bahagian untuk menjalankan tugas dengan efektif. • Melaksanakan aktiviti pengurusan sumber manusia mengikut panduan yang ditetapkan bagi mencapai objektif Jabatan/Bahagian. • Menyelia dan memberi maklum balas berterusan tahap pencapaian prestasi staf di bawah seliaan untuk mencapai sasaran kerja yang ditetapkan. • Memberi inspirasi dan motivasi kepada staf secara berterusan untuk mencapai prestasi terbaik.	• Merancang keperluan dan kompetensi sumber manusia untuk memenuhi keperluan operasi tahunan Jabatan/Bahagian. • Menyusun penempatan dan keperluan spesifikasi tugas bagi setiap jawatan untuk mencapai kelancaran penyampaian perkhidmatan. • Mengkaji kecekapan dan pencapaian prestasi, bilangan dan kualiti sumber manusia untuk mencapai keberkesanan perkhidmatan dalam organisasi. • Memupuk suasana keterbukaan, kepercayaan dan perpaduan di kalangan staf untuk meningkatkan produktiviti dan jati diri.	• Membangunkan strategi penggunaan sumber manusia yang optimum untuk pencapaian keberhasilan yang ditetapkan. • Menilai pencapaian pengurusan sumber manusia mengikut sasaran yang ditetapkan untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan. • Menganalisis keperluan dan jurang kompetensi dan merangka pelan strategik pengurusan sumber manusia untuk menyokong pencapaian strategik objektif Universiti. • Menghargai dan mengiktiraf kejayaan dan sumbangan staf untuk peningkatan komitmen dan motivasi.	• Menggerakkan inisiatif pengurusan sumber manusia yang holistik untuk mengukuhkan kompetensi dan daya saing staf. • Memantau prestasi dan pencapaian pelan strategik pengurusan sumber manusia dan merangka langkah-langkah konstruktif untuk meningkatkan prestasi, kompetensi dan keberkesanan staf. • Membangunkan strategi perancangan pelan penggantian untuk menyokong kelestarian kepimpinan masa hadapan Universiti. • Mengerakkan dan memupuk budaya kerja berasaskan prestasi untuk mencapai visi dan objektif strategik Universiti.	

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK PENTADBIRAN			
NAMA KOMPETENSI	PENGURUSAN KEWANGAN DAN ASET			
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan merancang dan memperoleh sumber kewangan dan aset dengan cekap mengikut peraturan dan prosedur kewangan yang telah ditetapkan bagi mencapai kelestarian sumber kewangan dan aset Universiti.			
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR	
• Melaksanakan tugas-tugas kewangan/aset mengikut peraturan kewangan yang diarahkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. • Mengurus sumber kewangan/aset yang berkesan untuk mencapai kelancaran operasi jabatan/bahagian. • Memahami peraturan dan prosedur kewangan/aset untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. • Merujuk kepada penyelia/ ketua berkenaan perlaksanaan prosedur kewangan/aset.	• Memudah cara pelaksanaan tugas bagi meningkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan. • Mengkoordinasi sumber kewangan/aset mengikut keutamaan dan kesesuaian untuk mencapai kegunaan yang optimum. • Mengkaji keberkesanan pengurusan kewangan dan aset untuk meningkatkan pengawalan kos operasi. • Melapor sebarang transaksi dan aktiviti yang meragukan atau tidak mematuhi perbendaharaan bagi meningkatkan integriti jabatan/bahagian.	• Menambahbaik sistem pengurusan kewangan dan aset berdasarkan keperluan semasa untuk meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan. • Mengawal pengurusan kewangan/aset yang cekap dan berkesan untuk mengelakkan pembaziran. • Menganalisa trend penggunaan sumber kewangan/aset dan mencadangkan penambahbaikan untuk kecekapan kos operasi. • Menganjurkan program libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk meningkatkan pencapaian pengurusan kewangan/aset terbaik.	• Mengintegrasikan kepakaran serta pengalaman dengan pihak dalam dan luar Universiti untuk memantapkan sistem pengurusan kewangan/aset. • Memantau keberkesanan pengurusan sumber mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan bagi mengoptimumkan sumber kewangan/aset. • Merangka sistem, kaedah dan tatakerja baharu untuk membangunkan sistem pengurusan kewangan dan aset yang mampan. • Memperkenalkan pendekatan/strategi yang berimpak bagi mencapai kelestarian sumber kewangan/ aset Universiti.	

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK PENTADBIRAN		
NAMA KOMPETENSI	PENGURUSAN RISIKO		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan menjangka, mengenalpasti, menilai dan mengawal ancaman organisasi berasaskan pelan risiko yang telah ditetapkan bagi meningkatkan dan mengukuhkan kelestarian Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Melaksanakan pelan risiko yang dirangka bagi mengekalkan keselamatan di tempat kerja. • Mentadbir keperluan pelaksanaan pengurusan risiko bagi menambahbaik perkhidmatan. • Memahami kaedah menguruskan risiko bagi mencapai sasaran perkhidmatan. • Mengambil maklum tentang kaedah pengurusan risiko bagi mewujudkan kesediaan menghadapi ancaman organisasi.	• Mengongsi pelan risiko terbaik secara konsisten bagi mengawal ancaman organisasi. • Menyelaras aktiviti-aktiviti pembangunan berkaitan pengurusan risiko dengan sumber yang dipercayai bagi mengurangkan ancaman kepada organisasi. • Menyelidik perancangan pengurusan risiko bagi meningkatkan kesediaan organisasi sebelum kejadian berlaku. • Merujuk dan mendapatkan input secara proaktif terhadap ancaman organisasi bagi menjayakan pengurusan risiko organisasi.	• Mentoring jawatankuasa pelan pengurusan risiko melalui penetapan hala tuju dan kawalan semasa bagi mengukuhkan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi. • Merancang piawaian pengurusan risiko hasil kritikan yang diterima oleh organisasi bagi meningkatkan keyakinan pelanggan. • Menganalisis keberkesanan perancangan pelaksanaan pengurusan risiko bagi meneruskan kesinambungan urus tadbir organisasi. • Memahirkkan organisasi dalam mengaplikasikan pengurusan risiko bagi mengesan kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT).	• Memperkenalkan kerangka kerja pengurusan risiko berdasarkan prinsip-prinsip yang bersepadu bagi mengukuhkan kelestarian Universiti. • Memantau pendekatan yang lebih efektif secara sistematik bagi mengurangkan kesan berlakunya ancaman terhadap Universiti. • Menghasilkan pelan kontingensi pengurusan risiko bagi menangani akibat risiko yang berlaku dalam Universiti. • Menginspirasi organisasi secara optimum dan bersinergi terhadap kaedah pengurusan risiko bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Universiti.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK PENTADBIRAN		
NAMA KOMPETENSI	PEMIKIRAN ANALITIKAL		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan menganalisis sebab dan kesan (<i>cause and effect</i>) ke atas maklumat metodologi dan keputusan yang tepat bagi mengurangkan risiko Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
- Mengetahui kaedah diagnosis yang sesuai ke atas maklumat yang diperolehi bagi membuat keputusan yang tepat. - Memahami dan mengetahui kaedah menganalisis masalah yang sistematik untuk mencapai sasaran kerja. - Memahami tugas dan kemahiran yang diperlukan meneliti kaedah dan sebab bagi meningkatkan keberhasilan tugas. - Menggunakan prosedur, teknik dan metodologi penyelesaian masalah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah. - Melibatkan diri dalam sesi percampuhan fikiran analisis penyelesaian masalah bagi menjalankan tugas secara berkesan.	- Memudah cara proses penyelesaian masalah serta mengambil maklum balas daripada ahli pasukan untuk mencapai penyelesaian terbaik. - Mengkoordinasi proses penyelesaian masalah secara sistematik bagi menghasilkan metodologi yang tepat. - Mengkaji keberkesanan kaedah penyelesaian bagi memastikan keputusan selaras dengan keperluan semasa. - Menganalisis kebaikan, keburukan dan risiko di dalam penyelesaian sesuatu masalah. - Memberi maklum balas dan cadangan kepada ketua kumpulan mengenai keberkesanan kaedah untuk meningkatkan kecekapan.	- Membangunkan metodologi penyelesaian masalah bagi menghasilkan keputusan berkualiti. - Menganalisis pemakaian kaedah diagnosis bagi mengenal pasti keberkesanan keputusan yang dibuat. - Mencadangkan pendekatan baru menganalisis masalah untuk menghasilkan keputusan yang tepat secara berterusan. - Menjana dan menterjemah idea, isu dan pemerhatian yang kompleks menjadi pemahaman yang jelas. - Mengesyorkan penambahbaikan kaedah analisis bagi meningkatkan keberkesanan penyelesaian masalah.	- Membudayakan pemikiran analitikal yang holistik bagi mengurangkan risiko penyampaian perkhidmatan. - Mengetuai pelaksanaan metodologi yang holistik bagi menjamin kelestarian penyampaian perkhidmatan. - Merangka pelan penyelesaian yang proaktif untuk meningkatkan kualiti organisasi. - Menilai dan mentafsirkan situasi atau masalah yang kompleks dan mengintegrasikan analisis ke dalam tindakan yang lengkap dan komprehensif. - Membimbing staf dalam penyelesaian masalah bagi menjalankan tugas secara berkesan.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK PENTADBIRAN		
NAMA KOMPETENSI	KEMAHIRAN PERUNDINGAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Berkebolehan untuk merancang, menyelaraskan dan memantau metodologi perundingan yang cekap dan bersesuaian dalam memberi khidmat nasihat dan rundingan mengikut kod etika profesional bagi meningkatkan jaringan kerjasama dan pengiktirafan kepakaran.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Melibatkan diri dalam aktiviti perundingan mengikut prosedur dan garis panduan yang ditetapkan bagi menghasilkan perkhidmatan yang bersistematik. • Mentadbir/ mengurus aktiviti program perundingan mengikut kod etika profesional bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program. • Memahami kepentingan dan isu-isu yang berkaitan bagi meningkatkan keberhasilan kaedah perundingan yang berkesan. • Mencadangkan tindakan susulan selepas selesainya sesi perundingan bagi memastikan kesinambungan proses selanjutnya berjalan dengan lancar	• Memudah cara pasukan dan melaksanakan aktiviti bagi menjayakan perkhidmatan perundingan. • Mengkoordinasi dan melaksanakan program-program perundingan yang dirancang mengikut kod etika profesional bagi meningkatkan keberkesanan program dalam mencapai sasaran yang ditetapkan. • Menggunakan teknik-teknik perundingan yang berkesan untuk mencapai keberhasilan. • Mengongsi strategi perundingan bagi memantapkan keberhasilan setiap program berimpak tinggi	• Membangunkan langkah-langkah baharu dan inovatif untuk mengukuhkan tahap pencapaian proses perundingan. • Membangunkan strategi perundingan yang berkesan untuk meningkatkan jaringan kerjasama strategik antara jabatan/bahagian/Universiti/ Organisasi. • Menganalisis dan memantapkan inisiatif baharu dalam pentadbiran bagi meningkatkan mutu perkhidmatan perundingan secara berterusan. • Menambahbaik kaedah dan keberhasilan yang hendak dicapai bagi memperincikan setiap aspek perundingan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan.	• Membina keyakinan dan kepercayaan daripada pihak berkepentingan terhadap sistem perundingan bagi mencapai proses perundingan memberi impak positif dan diiktiraf. • Memantau pelaksanaan dan pencapaian keberkesanan program dan strategi perundingan mengikut kod etika profesional bagi meningkatkan hasil dan kualiti penglibatan pihak berkepentingan. • Merangka strategi untuk menjayakan kolaborasi menang-menang melalui proses runding konstruktif dengan pihak luar. • Menggembeleng semua sumber secara bersepadu bagi memastikan kelestarian perundingan terlaksana dan berdaya saing.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK AKADEMIK		
NAMA KOMPETENSI	PEMBANGUNAN PELAJAR		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan mengenalpasti dan membangunkan bakat pelajar secara holistik bagi mendepani cabaran kehidupan masa hadapan.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Mengenalpasti (individu) keperluan pembangunan pelajar bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. • Menguruskan (organisasi) aktiviti bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program pembangunan pelajar. • Memahami (bloom) proses dan kaedah pembangunan pelajar bagi melahirkan bakat yang berkualiti dan berdaya saing. • Memberi maklum balas (sikap) yang konstruktif untuk memperbaiki program pembangunan pelajar.	• Memudah cara pelaksanaan pelan pembangunan pelajar secara berkesan di dalam pasukan bagi menghasilkan bakat yang berkualiti. • Mengkoordinasi sumber bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pelan pembangunan pelajar. • Menggunakan teknik atau model pembangunan pelajar untuk melahirkan bakat yang berkualiti dan berdaya saing. • Mengesyorkan cadangan untuk meningkatkan kualiti program pembangunan pelajar selaras dengan matlamat jabatan.	• Membangunkan program pembangunan pelajar bagi memastikan keberhasilan pelan yang lebih sistematik dan berkesan. • Mengawal keberkesanan pelaksanaan pelan pembangunan pelajar bagi menghasilkan bakat yang berkualiti dan berdaya saing. • Menganalisis keberkesanan pelaksanaan kaedah atau teknik yang mampu meningkatkan kualiti program pembangunan pelajar secara berterusan. • Menggerakkan inisiatif pembangunan pelajar yang holistik.	• Menggerakkan pelaksanaan dasar, strategi dan pendekatan yang proaktif bagi menghasilkan kerangka pelan pembangunan pelajar di masa hadapan. • Memantau pelaksanaan pelan pembangunan pelajar dalam membangunkan dasar dan strategi bagi memacu kecemerlangan bakat. • Mereka bentuk pendekatan baharu program pembangunan pelajar bagi menghasilkan kualiti bakat yang boleh mendepani cabaran masa hadapan. • Membudayakan pengurusan pembangunan pelajar yang cemerlang untuk melahirkan bakat yang holistik

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK AKADEMIK		
NAMA KOMPETENSI	MENERAJU PERUBAHAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan meneraju perubahan untuk mentransformasi institusi bagi meningkatkan daya saing Universiti.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Memahami (individu) keperluan perubahan untuk meningkatkan kesedaran bagi mentransformasikan institusi. • Menguruskan (organisasi) pelbagai aktiviti perubahan bagi meningkatkan tahap kesedaran secara menyeluruh dan berkesan. • Memahami (bloom) tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan daya saing Universiti. • Memberi (sikap) maklumbalas yang konstruktif untuk meningkatkan kefahaman terhadap keperluan perubahan.	• Memudah cara proses penerimaan perubahan bagi mencapai objektif yang lebih berkesan. • Menyelaras sumber untuk memastikan proses perubahan berjalan dengan sistematik dan lancar. • Meneliti dan mengkaji keberkesanan langkah-langkah yang proaktif dan konstruktif untuk meningkatkan penerimaan pelan perubahan. • Mengesyorkan penambahbaikan terhadap proses dan pelaksanaan program perubahan untuk meningkatkan penerimaan kumpulan sasaran.	• Membangunkan strategi dan perancangan pelan perubahan bagi meningkatkan daya saing Universiti. • Mengawal keberkesanan pelaksanaan pelan strategik bagi mencapai objektif perubahan. • Memantapkan pelan tindakan susulan untuk melancarkan pengurusan implikasi dan impak pelaksanaan pelan perubahan. • Mengambil langkah-langkah proaktif dalam menangani halangan dan masalah bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan perubahan.	• Meneraju usaha untuk membina minda pasukan yang bersedia menerima perubahan bagi mengekalkan daya saing Universiti. • Memantau dan mengukuhkan tahap pencapaian pelan strategik perubahan bagi meningkatkan daya saing Universiti. • Merangka kaedah baharu yang inovatif untuk memantapkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan pelan perubahan. • Memotivasikan warga institusi bagi mencapai objektif dan impak perubahan.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK AKADEMIK		
NAMA KOMPETENSI	PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan untuk menjalankan dan menguruskan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang bersifat asas dan penggunaan bagi meningkatkan pengembangan berterusan ilmu pengetahuan baharu.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Mengenalpasti masalah berkaitan yang memerlukan penyelesaian bagi menyediakan kertas cadangan berkualiti. • Mengurus aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang bersifat asas bagi memastikan pelaksanaan projek yang sistematik. • Menggunapakai proses dan kaedah menjalankan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti kerja. • Melibatkan diri secara proaktif dalam penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan baharu.	• Memudah cara proses menyediakan kertas cadangan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan penghasilan kertas cadangan yang berkualiti. • Mengkoordinasi program penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan pengembangan berterusan ilmu pengetahuan baharu. • Meneliti maklum balas dan cadangan penambahbaikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan hasil yang disasarkan. • Mengongsi amalan terbaik pengurusan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan pengembangan ilmu.	• Menunjuk ajar kaedah pengurusan aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berkesan bagi meningkatkan kualiti hasil penyelidikan. • Mengawal keberkesanan modul program latihan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti penyelidikan dan pembangunan. • Menganalisis hasil penyelidikan dan pembangunan yang bersifat asas dan penggunaan bagi menambahbaik keberkesanan pelaksanaan. • Menggerakkan inisiatif budaya penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan pengembangan berterusan ilmu pengetahuan baharu.	• Membimbing kemahiran ahli pasukan bagi menghasilkan projek penyelidikan dan pembangunan yang berimpak. • Memantau pencapaian penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengembangan berterusan ilmu pengetahuan baharu. • Merangka inisiatif baharu dan relevan untuk menghasilkan penyelidikan yang berimpak. • Membudayakan amalan aktiviti pengurusan penyelidikan dan pembangunan yang berimpak tinggi bagi mencapai kecemerlangan penyelidikan yang menyeluruh.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK AKADEMIK		
NAMA KOMPETENSI	PENYAMPAIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan untuk menyampaikan dan menghuraikan kandungan pembelajaran dengan jelas dan kreatif bagi meningkatkan pemahaman dan penguasaan pengetahuan pelajar.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Menyampaikan P&P dengan jelas dan tepat bagi mencapai objektif pembelajaran. • Menguruskan proses penyampaian P&P dengan lancar bagi mencapai objektif pembelajaran. • Menghuraikan kandungan pembelajaran dengan jelas dan tepat bagi mencapai objektif pembelajaran. • Melibatkan diri bagi meningkatkan kualiti penyampaian P&P secara telus dan beretika.	• Mempelbagai penyampaian P&P yang jelas dan tepat dalam kalangan rakan kesepakaran bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar. • Menyusun dan menyesuaikan sesi penyampaian P&P secara berkesan bagi mencapai objektif pembelajaran. • Menganalisis kaedah penyampaian P&P dan kandungan pembelajaran yang jelas dan sesuai bagi mencapai objektif pembelajaran. • Merujuk dan melibatkan pelbagai pihak yang berkepakaran dalam meningkatkan kualiti penyampaian P&P.	• Menunjuk ajar rakan kesepakaran dalam penyampaian P&P yang efektif bagi meningkatkan kemahiran penyampaian pengajaran dan pembelajaran. • Memantau kaedah penyampaian P&P yang efektif bagi mencapai objektif pembelajaran. • Mengadaptasi penyampaian P&P yang inovatif bagi hasil pembelajaran yang optimum. • Memperkenalkan inisiatif penambahbaikan berterusan dalam meningkatkan penyampaian P&P yang berkualiti.	• Menjadi pakar rujuk kaedah penyampaian P&P bagi meningkatkan pemahaman dan penguasaan pengetahuan pelajar. • Mengetuai aktiviti penyampaian P&P di peringkat organisasi bagi meningkatkan penguasaan pengetahuan pelajar. • Mencipta kaedah penyampaian yang inovatif untuk mencapai objektif kerangka strategi penyampaian P&P Universiti. • Menggerakkan amalan kecemerlangan dalam penyampaian P&P bagi meningkatkan kesedaran strategi pembelajaran berpusatkan pelajar.

GENERIK

KLUSTER KOMPETENSI	GENERIK AKADEMIK		
NAMA KOMPETENSI	PEMBANGUNAN PROFESIONAL		
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan, terkini dan relevan berdasarkan bidang untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepakaran.		
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR
• Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran secara berterusan bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kepakaran. • Membantu perancangan program pengembangan profesional untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kepakaran. • Memahami keperluan pengetahuan dan kemahiran bagi meningkatkan tahap kompetensi kesedaran dan kepakaran. • Melibatkan diri dalam kumpulan profesional untuk mengekalkan asas pengetahuan semasa dan hubungan dengan orang lain dalam bidang kepakaran masing-masing.	• Memudah cara peluang pembelajaran berterusan untuk membangunkan diri dan orang lain. • Mengatur aktiviti dan penglibatan dalam program pembangunan profesional untuk meningkatkan prestasi peribadi dan pasukan. • Mencadangkan program pembangunan profesional mengikut bidang kepakaran bagi kelangsungan pengetahuan dan kemahiran. • Mengongsi pengetahuan baharu dengan orang lain untuk memastikan mereka dapat menyumbangkan idea baharu kepada institusi.	• Memberi panduan/menunjuk ajar pasukan melalui sesi mentoring untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepakaran. • Mengurus pelaksanaan program pembangunan profesional yang berterusan untuk meningkatkan kepakaran peribadi dan pasukan. • Menganalisis perkembangan pembangunan profesional secara berterusan mengikut bidang kepakaran bagi meningkatkan tahap kepakaran. • Mengambil bahagian secara aktif di dalam persatuan/komuniti profesional untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang terkini dan relevan.	• Membimbing pasukan secara berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepakaran. • Memantau pencapaian program pembangunan profesional untuk meningkatkan prestasi pasukan dan institusi. • Merangka inisiatif pembangunan profesional terkini dan relevan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kepakaran. • Menghargai/Menggerakkan pasukan untuk mencapai tahap kepakaran melalui pembangunan profesional yang berterusan, terkini dan relevan.

KEPIMPINAN

KLUSTER KOMPETENSI	KEPIMPINAN			
NAMA KOMPETENSI	JARINGAN DAN KOLABORASI STRATEGIK			
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan membangun, mengekal dan mengukuhkan jaringan dan kolaborasi menang-menang dengan rakan strategik mengikut pelan strategik jangka panjang untuk meningkatkan keterlihatan dan kredibiliti/pengiktirafan Universiti.			
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR	
• Melibatkan diri dalam aktiviti/program jaringan dan kolaborasi bersama rakan strategik untuk mencapai sasaran kerja yang ditetapkan. • Mengurus proses memperoleh maklum balas secara sistematik untuk menilai keberkesanan kerjasama kolaborasi dan jaringan strategik. • Mengenali dan memahami keperluan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan kolaborasi strategik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan. • Memupuk hubungan formal dan tidak formal secara aktif untuk memudahkan kemajuan kerja dan meningkatkan pengiktirafan bidang kepakaran secara proaktif.	• Memudah cara proses pelaksanaan program perkongsian maklumat bersama rakan strategik untuk meningkatkan kredibiliti Universiti. • Mengkoordinasi pelbagai platform, proses, prosedur dan sumber untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pelan jaringan dan kolaborasi strategik. • Menyelidik peluang jaringan dan kolaborasi strategik dengan pihak berkepentingan dalam dan luar negara untuk mencapai hubungan menang-menang. • Mengembangkan rangkaian jaringan dan kolaborasi strategik secara aktif dan berterusan untuk mengukuhkan kredibiliti Jabatan/Bahagian.	• Meningkatkan program jangkauan (outreach) bersama rakan strategik melalui pelbagai saluran untuk meningkatkan penglibatan berimpak tinggi. • Merancang dan membangunkan kaedah, amalan dan sistem yang cekap dan berkesan untuk meningkatkan tahap sistem penyampaian kepada rakan strategik. • Mengkaji dan menganalisis keberkesanan program jaringan dan kolaborasi strategik untuk menghasilkan langkah-langkah intervensi yang berimpak. • Menggunakan rangkaian sediaada bagi mengumpulkan maklumat dan mengenal pasti peluang strategik untuk meningkatkan keterlihatan dalam komuniti dan industri.	• Menggerakkan inisiatif pelan strategik jangka panjang yang berkesan untuk membina keyakinan dan kepercayaan rakan strategik. • Memantau pelaksanaan pelan jaringan dan kolaborasi untuk meningkatkan pencapaian sasaran objektif strategik Universiti. • Mencipta peluang bagi memulakan jaringan dan kolaborasi baharu untuk memudahkan pencapaian objektif strategik Universiti. • Menggerakkan inisiatif hubungan antara organisasi luar utama dan entiti kerajaan untuk mewujudkan peluang baharu jaringan dan kolaborasi strategik.	

KEPIMPINAN

KLUSTER KOMPETENSI	KEPIMPINAN			
NAMA KOMPETENSI	PERANCANGAN STRATEGIK			
DEFINISI KOMPETENSI	Kebolehan untuk membangun, melaksanakan dan menilai hasil pelaksanaan pelan jangka panjang mengikut pelan strategik jangka panjang yang ditetapkan bagi merealisasikan visi dan misi Universiti.			
ASAS	CEKAP	MAHIR	PAKAR	
